



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 605 501 5000
Faks : 605 527 7273
Laman Web : <http://jpnperak.moe.gov.my>

"PENDIDIKAN BERKUALITI, SEKOLAH UNGGUL, MURID HOLISTIK"

Ruj. Kami: JPNPk.SPS.USJK.100-3.Jld.11 (15)

Tarikh: 27 Mac 2023

YBrs. Dr. Tan Guan Heng

Ketua Pegawai Eksekutif
Akademik J&W Sdn. Bhd
1st Floor, 51-53A
Jalan SS25/2, Taman Bukti Emas
47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

YBrs. Dr.,

MAKLUM BALAS KELULUSAN PERMOHONAN OLEH PIHAK LUAR MENJALANKAN AKTIVITI MELIBATKAN MURID, GURU DAN SEKOLAH-SEKOLAH DI BAWAH JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK TAHUN 2023

Dengan segala hormatnya, surat KPM.600-8/2/7 Jld.31(16) Permohonan Kebenaran Penganjuran Program Penajaan Pendidikan (PPP) "Kursus Kaunseling Universiti dan Pekerjaan" Oleh Akademik J&W di Sekolah Menengah Sekuruh Malaysia bagi Murid Lepas SPM atau STPM bertarikh 27 Januari 2023 adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Perak telah menerima dan meneliti permohonan bagi penganjuran aktiviti seperti yang terkandung dalam surat tersebut.
3. Jabatan Pendidikan Negeri Perak mengambil maklum akan permohonan tersebut serta **tiada halangan** untuk pihak YBrs. Dr. melaksanakan program berkenaan melibatkan pelajar-pelajar sekolah KPM negeri Perak bermula **1 Februari hingga 15 Disember 2023** dengan pematuhan kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh KPM serta berdasarkan kepada kesesuaian dan persetujuan pihak pentadbir sekolah. Surat maklum balas ini perlu dibaca bersama **Surat Pekeliling Iktisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2018** bertarikh 7 Jun 2018 – **Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institut Pendidikan dan Guru Kepada Pendaftaran Bagi Kelulusan Permohonan Oleh pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 12 Tahun 1988**, bertarikh 29 Jun 1988 - **Larangan Menjalankan Jualan Terus Di Sekolah-Sekolah**.
4. Sehubungan itu, pihak YBrs. Dr. perlu mengadakan perbincangan dengan pihak pentadbir sekolah untuk diselaraskan dengan perancangan aktiviti peringkat sekolah di samping mematuhi syarat-syarat seperti di lampiran 1.

**MAKLUM BALAS KELULUSAN PERMOHONAN OLEH PIHAK LUAR
MENJALANKAN AKTIVITI MELIBATKAN MURID, GURU DAN SEKOLAH-SEKOLAH
DI BAWAH JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK TAHUN 2023**

Ruj. Kami: JPNPk.SPS.USJK.100-3 Jld.11 (15)

Tarikh : 27 Mac 2023


5. Maklum balas kelulusan ini adalah untuk tujuan yang dipohon sahaja dan luput selepas 15 Disember 2023 dan sebarang kebenaran permohonan baharu hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Pendidikan Negeri Perak. Segala Pertanyaan berhubung perkara berkaitan, sila hubungi En Rohaizad bin Abdullah Fisol, Penolong Pengarah Unit Sekolah Jenis Khas, Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri Perak di talian 013-4233598.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(SABARINA BINTI JAMALUDDIN)
Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Pengurusan Sekolah
b.p Pengarah Pendidikan Negeri Perak

- s.k. 1. Pengarah Pendidikan Negeri Perak.
2. Semua Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Perak.

“ PERAK SEJAHTERA 2030 ”

KELULUSAN PERMOHONAN OLEH PIHAK LUAR MENJALANKAN AKTIVITI MELIBATKAN MURID, GURU DAN SEKOLAH-SEKOLAH DI BAWAH JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK TAHUN 2023

1. Pihak tuan perlu memaklumkan terlebih dahulu kepada Pegawai Pendidikan Daerah dan juga mengadakan perbincangan dengan Pengetua/Guru Besar sekolah terlibat;
2. Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
3. Program boleh dilaksanakan secara bersemuka atau atas talian;
4. Penyertaan murid dan guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) mereka;
5. Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid dan guru yang terlibat dengan program ini;
6. Murid, warga sekolah mahupun pihak sekolah sendiri **tidak boleh dipaksa atau diwajibkan** terlibat dengan program ini;
7. Penyertaan murid hendaklah mendapat **kebenaran bertulis** daripada ibubapa atau penjaga;
8. Tiada implikasi kewangan kepada JPN, PPD, sekolah, pegawai/guru dan murid yang terlibat;
9. Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program / aktiviti yang dianjurkan;
10. **Surat kebenaran/kelulusan ini bukan sebagai pengesahan program dianjurkan secara kerjasama bersama JPN. Sijil penyertaan program yang ditandatangani oleh pengurusan tertinggi JPN tidak dibenarkan kecuali program kerjasama dengan pihak JPN secara langsung;**
11. Pihak penganjur hendaklah menghantar **satu (1) Salinan laporan program dalam tempoh 30 hari** ke jabatan ini selepas pelaksanaan program tersebut;
12. **Mematuhi Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Institusi Pendidikan KPM, Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang sedang berkuatkuasa sepanjang program dijalankan;**
13. Semua kakitangan yang terlibat perlu mendapat **vaksinasi lengkap** untuk dibenarkan memasuki kawasan sekolah dan memastikan tidak memasuki kawasan sekolah jika bergejala;
14. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat menekankan perkara Melindungi Masa Instruksional (MMI) yakni masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid. Oleh yang demikian, sebarang aktiviti yang melibatkan penyertaan murid dan guru bagi tujuan pelaksanaan program dicadangkan diadakan di luar waktu PdP agar tidak menjejaskan waktu pengajaran dan pembelajaran mereka atau dilaksanakan pada hari Sabtu yang dibenarkan iaitu pada hari Sabtu minggu ke dua (2) dan empat (4) sahaja; dan
15. JPN Perak berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa serta tidak mematuhi garis panduan KPM, MKN dan KKM.